

TERMA DAN SYARAT YANG MENENTUKAN PENGENDALIAN AKAUN PB INSTRUMEN DEPOSIT BOLEH NIAGA RUNCIT

Berikut ialah Terma dan Syarat Am dan Khusus bagi pembukaan dan pengendalian Akaun PB Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit (R-NID) dengan Public Bank Berhad (Bank).

Takrifan

“**R-NID**” bermaksud sijil yang menghasilkan faedah dikeluarkan pada kadar pulangan khusus dengan Amaun Nominal yang mesti dibayar apabila matang, dan faedah yang mesti dibayar apabila matang dan/atau atas dasar berkala bergantung pada kekerapan pembayaran faedah.

“**Pelanggan**” bermaksud individu/bukan individu yang layak untuk melabur dalam R-NID seperti yang dinyatakan dalam Fasal 1 di bawah Terma dan Syarat Khusus. Apabila dua orang adalah Pelanggan bersama yang membuat pelaburan dalam R-NID dengan Bank menurut Terma dan Syarat ini, pernyataan “**Pelanggan**” adalah merujuk kepada orang sedemikian secara bersama dan berasingan.

“**Mandat**” bermaksud, dari segi pelaburan R-NID, mandat Pelanggan selaku orang yang diberi kuasa untuk memberi arahan kepada Bank dari segi pelaburan R-NID seperti yang dimaklumkan kepada Bank dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank atau borang lain seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“**Peristiwa Luar Biasa**” bermaksud apa-apa peristiwa yang Bank secara jujur percaya mempunyai kesan buruk ke atas pelaburan R-NID, dan hendaklah termasuk tanpa had apa-apa bentuk pengehadan pertukaran kawalan atau keperluan dalam apa juga bentuk yang menjejaskan ketersediaan, kebolehtukaran, kredit atau pindahan mata wang, komoditi, sekuriti, instrumen kewangan atau dana, apa juga bentuk hutang atau moratorium lain mengenai bidang kuasa, individu atau entiti, apa-apa susut nilai, denominasi semula atau penyahwangian mata wang yang mendasari, komoditi, sekuriti atau instrumen bagi apa-apa urusan niaga dan/atau apa juga bentuk sekatan atau keperluan yang pada pandangan jujur Bank secara buruknya meminda atau menukar hak atau obligasi yang Bank secara jujur menerima peletakan pelaburan R-NID tersebut.

Terma dan Syarat Khusus

1. Kelayakan

- 1.1 Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (persendirian atau bersama).
- 1.2 Pemastautin Malaysia sahaja.
- 1.3 Bukan individu iaitu Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*.

* Seperti yang ditakrifkan dalam Dokumen Dasar mengenai Rangka kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset-aset Berwajaran Risiko) yang dikeluarkan pada 1 Ogos 2016 atau apa-apa pindaan daripada Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

2. Pembukaan Akaun

- 2.1 Pelanggan dibenarkan untuk membuka akaun R-NID dan dengan itu memberikan butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun dan mengakui bahawa semua maklumat adalah betul. Pelanggan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan pada rekodnya yang disenggara dengan Bank seperti perubahan dalam tandatangan yang dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan pada Memorandum dan Tataurusian Pertubuhan atau Perlembagaan, perubahan dalam alamat, dsbnya.
- 2.2 Pelanggan perlu mengekalkan Akaun Simpanan/Semasa Konvensional (yang mana berkenaan) ["Akaun yang Ditetapkan"] dengan Bank semasa pembukaan akaun R-NID. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Akaun yang Ditetapkan disenggara pada setiap masa bagi memudahkan peletakan/pengkreditan faedah dan prosid sama ada daripada kematangan atau R-NID yang dijual kepada Bank sebelum matang.
- 2.3 Akaun yang Ditetapkan mestilah di bawah entiti pelanggan yang sama dengan akaun R-NID dan hendaklah dirangkaikan ke akaun R-NID pelanggan berkenaan.
- 2.4 Akaun R-NID dan Akaun yang Ditetapkan mesti dikekalkan di cawangan pemegang akaun yang sama.

3. Pelaburan

- 3.1 R-NID yang dikeluarkan boleh berdasarkan pada sama ada kadar tetap, kupon sifar atau kadar terapung atau kombinasi mana-mana daripada yang tiga itu.
- 3.2 R-NID boleh dikeluarkan pada tara/premium/diskaun.
- 3.3 Pemegang akaun hendaklah melabur Amaun Nominal minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000), dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap R-NID. Tiada Amaun Nominal maksimum bagi R-NID.
- 3.4 Tempoh maksimum adalah sehingga lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran.
- 3.5 Apabila Pelanggan berjaya membuat pelaburan dalam R-NID, sijil R-NID akan dikeluarkan bagi urus niaga R-NID berkenaan yang mana sijil asal mestilah dijagai dan disimpan secara elektronik oleh Bank yang bertindak sebagai Depositori Dibenarkan.
- 3.6 Dana bagi pelaburan R-NID akan didebitkan daripada Akaun yang Ditetapkan.
- 3.7 Akaun yang Ditetapkan tidak dibenarkan untuk ditutup kecuali semua pelaburan R-NID yang tertunggak telah dibayar sepenuhnya oleh Bank dan prosidnya telah dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan.
- 3.8 Pelanggan mengesahkan akan menerima bahawa tidak akan ada pembaharuan automatik bagi semua pelaburan R-NIDnya yang sedia ada dan apabila R-NIDnya matang, prosid daripada kematangan R-NIDnya akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun yang Ditetapkan.

4. Kadar Faedah dan Pembayaran Faedah

- 4.1 Kadar faedah yang diterima pakai bagi R-NID ialah kadar faedah (% setahun) yang ditetapkan oleh Bank.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

4.2 Bagi Kadar Tetap R-NID, faedah dikira seperti di bawah:

4.2.1 Pada tempoh sehingga satu (1) tahun, faedah dibayar pada Tarikh Matang dan dikira berdasarkan 365 hari dengan menggunakan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)} \times \text{Tempoh R-NID}}{365}$$

4.2.2 Bagi tempoh melebihi satu (1) tahun sehingga lima (5) tahun dengan pembayaran faedah setiap suku tahun, faedah dikira menggunakan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)}}{4}$$

4.2.3 Bagi tempoh melebihi satu (1) tahun sehingga lima (5) tahun dengan pembayaran faedah setiap setengah tahun, faedah dikira menggunakan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)}}{2}$$

4.3 Bagi Kupon Sifar R-NID, faedah dimasukkan dalam Amaun Nominal R-NID atas dasar terdiskaun dan mesti dibayar apabila matang.

4.4 Bagi Kadar Terapung R-NID, kadar faedah boleh berubah menurut perubahan aset atau indeks dasar dan dikira mengikut bilangan hari kalendar sebenar dan mesti dibayar setiap suku tahunan [setiap tiga (3) bulan kalendar] atau setengah tahun [setiap enam (6) bulan kalendar].

4.5 Prosid faedah akan dikreditkan secara automatik dalam Akaun yang Ditetapkan milik Pelanggan yang dirangkaikan ke akaun R-NID, sama ada pada hari bekerja atau tidak.

5. Penebusan Apabila Matang

5.1 Amaun Nominal bagi R-NID hanya dijamin jika R-NID dipegang sehingga matang.

5.2 Prosid daripada kematangan akan dikreditkan secara automatik dalam Akaun yang Ditetapkan milik Pelanggan yang dirangkaikan ke akaun R-NID, sama ada pada hari bekerja atau tidak.

6. Jualan R-NID kepada Bank sebelum Matang

6.1 Apa-apa jualan R-NID kepada Bank sebelum Tarikh Matang adalah tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

6.1.1 Pada kadar beli yang akan diumumkan oleh Bank; dan

6.1.2 Mungkin menyebabkan kehilangan sebahagian daripada Amaun Nominal permulaan.

6.2 Faedah terakru perlu dibayar kepada Pelanggan.

6.3 Jualan sebahagian R-NID adalah TIDAK dibenarkan.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

7. Sijil R-NID dan Depositori Dibenarkan

- 7.1 Satu Sijil R-NID akan dikeluarkan bagi setiap urus niaga R-NID. Sijil asal diletakkan dalam jagaan dan disimpan secara elektronik oleh Bank pada tarikh permulaan yang bertindak sebagai Depositori Dibenarkan iaitu institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan ahli Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS). Bank akan menyimpan sijil R-NID dalam jagaan selamatnya bagi pihak Pelanggan.

8. Makluman Pengesahan

- 8.1 Satu Makluman Pengesahan yang memperincikan maklumat mengenai urus niaga R-NID seperti tempoh, tarikh matang, kadar faedah, Amaun Nominal, nombor sijil R-NID dsbnya. akan dihantar kepada Pelanggan pada tarikh permulaan R-NID atau disediakan melalui PBe untuk tujuan rekod.
- 8.2 Bank akan mengeluarkan Makluman Pengesahan tersebut secepat mungkin selepas terma-terma R-NID itu disahkan.
- 8.3 Pelanggan hendaklah memeriksa Makluman Pengesahan yang dikeluarkan oleh Bank. Jika tiada bantahan bertulis dikemukakan oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh penyata, Makluman Pengesahan akan dianggap konklusif dan mengikat, melainkan bagi kesilapan besar, terhadap Pelanggan dan Pelanggan tidak layak untuk membantah terhadapnya. Bagaimanapun, Bank boleh pada bila-bila masa, membetulkan apa-apa kesilapan dalam Makluman Pengesahan tersebut.
- 8.4 Sekiranya terdapat percanggahan antara Makluman Pengesahan dengan Borang Permohonan Pelaburan R-NID, Makluman Pengesahan akan diterima pakai.

9. Kemudahan Overdraf

- 9.1 Kemudahan overdraf (OD) opsyenal disediakan kepada Pelanggan tertakluk pada permohonan sekiranya sijil R-NID akan dicagarkan sebagai sandaran bagi kemudahan OD tersebut.
- 9.2 Bagi sijil R-NID yang dicagarkan untuk Kemudahan Overdraf, prosid faedah akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun yang Ditetapkan milik Pelanggan yang dirangkaikan ke akaun R-NID, sama ada pada hari bekerja atau tidak.
- 9.3 Bagi sijil R-NID yang dicagarkan bagi Kemudahan Overdraf, semua prosid sama ada daripada kematangan atau R-NID yang dijual kepada Bank sebelum matang akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa dengan Kemudahan Overdraf.

10. Fi dan Caj

- 10.1 Tiada fi dan caj bagi R-NID. Bagaimanapun, pelanggan perlu membuka dan menyenggara Akaun yang Ditetapkan dengan Bank bagi tujuan untuk melabur dalam R-NID. Fi dan caj mungkin dikenakan atas Akaun yang Ditetapkan, yang mana butir-butir fi dan caj itu boleh didapati apabila diminta atau diperolehi daripada cawangan Bank dan laman web PBe. Bank berhak untuk mengubah fi dan caj berkenaan dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 10.2 Bank berhak dari semasa ke semasa untuk mengenakan apa-apa fi dan caj berkaitan dengan akaun/urus niaga R-NID dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu pada premis Bank dan laman web PBe.

11. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 11.1 R-NID TIDAK layak untuk mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Terma dan Syarat Am

1. Komunikasi dengan Pelanggan

- 1.1 Apa-apa pengesahan, makluman atau penyata bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada Makluman Pengesahan) akan dihantar dengan tangan atau dihantar dengan pos biasa yang dialamatkan kepada Pelanggan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui atau di pejabat berdaftar buat masa ini di Malaysia atau tempat perniagaan terakhir yang diketahui di Malaysia yang disenggara dalam akaun R-NID atau melalui transmisi faksimile ke nombor faksimile yang terakhir diketahui atau melalui Sistem Mesej Dalaman (IMS) dalam laman web PBe dan setiap pengesahan, makluman, atau penyata bank yang dihantar melalui pos hendaklah dianggap sebagai telah diterima dan dibuat secara sah dua (2) hari kalendar selepas pengeposannya tanpa mengira bahawa ia mungkin telah dipulangkan melalui pejabat pos kerana tidak dapat disampaikan dan tanpa mengira (jika berkenaan) bahawa Pelanggan mungkin telah meninggal dunia. Apa-apa dan setiap pengesahan, makluman atau penyata bank yang dihantar dengan tangan/transmisi faksimile/penghantaran IMS akan dianggap sebagai telah diterima dan dibuat secara sah pada hari yang sama dengan tarikh penghantaran/transmisi.
- 1.2 Semua notis dan komunikasi dengan Pelanggan hendaklah secara bertulis dan boleh dihantar kepada Pelanggan melalui e-mel internet atau dengan mempamerkannya di premis dan laman web Bank.
- 1.3 Bagi tujuan Fasal 1 ini, Pelanggan hendaklah memaklumkan dengan serta-merta kepada Bank secara bertulis mengenai satu tempat di Malaysia, alamat e-mel atau nombor faksimile Pelanggan, di mana notis, komunikasi, pengesahan, makluman atau penyata bank seperti di atas boleh disampai atau dihantar. Sekiranya tiada terdapat makluman sedemikian, notis, komunikasi, pengesahan, makluman atau penyata bank akan dihantar melalui e-mel atau pos atau dihantar ke alamat e-mel terakhir yang diketahui atau alamat surat-menyurat atau alamat perniagaan terakhir yang diketahui di Malaysia yang disenggara dalam akaun R-NID atau ke nombor faksimile terakhir Pelanggan yang diketahui dan apa-apa notis, komunikasi, makluman pengesahan atau penyata bank sedemikian hendaklah dianggap sebagai telah diserahkan dengan secukupnya kepada Pelanggan.
- 1.4 Pelanggan bersetuju bahawa penyampaian proses guaman mungkin dibuat dengan mel berdaftar atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan Bank dan akan dianggap sebagai telah dihantar dan diterima dengan sewajarnya oleh Pelanggan.
- 1.5 Pelanggan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank secara bertulis mengenai perubahan nama, pasport, perlembagaan Pelanggan, Mandat dan/atau alamat Pelanggan, status pemastautin bagi tujuan percukaian dan kawalan pertukaran wang.

2. Peruntukan Penyata, Laporan dan Maklumat

- 2.1 Penyata akaun atau pelaburan R-NID boleh dihantar oleh Bank kepada Pelanggan pada sela masa yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Apa-apa kegagalan atau kelewatan oleh Bank untuk menyediakan penyata akaun R-NID atas apa juga sebab tidak dianggap sebagai perwakilan atau jaminan bahawa tiada urusan niaga telah dibuat pada bulan tersebut atau bahawa tiada jumlah yang terhutang.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 2.2 Pelanggan hendaklah mengesahkan bahawa setiap penyata akaun R-NIDnya yang diterima daripada Bank adalah betul. Pelanggan selanjutnya bersetuju, dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar (atau tempoh lain seumpamanya yang mungkin ditetapkan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya) dari tarikh penyata tersebut, untuk memaklumkan kepada Bank di cawangan di mana akaun yang berkenaan disimpan, mengenai apa-apa ketertinggalan, debit atau pengeluaran yang silap dibuat kepada atau daripada, atau entri yang tidak tepat di dalam penyata. Pada akhir tujuh (7) hari kalendar (atau tempoh lain seumpamanya yang mungkin ditetapkan oleh Bank atas budi bicara mutlaknya), semua entri yang dibuat dalam penyata hendaklah dianggap betul dan adalah bukti konklusif tanpa bukti selanjutnya terhadap Pelanggan (kecuali bagi kesilapan yang berkemungkinan dimaklumkan dan diterima oleh Bank).

3. Arahan

- 3.1 Semua notis atau arahan daripada Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan R-NID hendaklah diberikan sendiri, secara bertulis, melalui surat atau transmisi faksimile ke alamat atau nombor faksimile yang dinyatakan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.2 Apa-apa notis yang diserahkan dengan tangan akan dianggap sebagai telah diberi apabila dihantar manakala apa-apa notis melalui faksimile akan dianggap sebagai telah diberi apabila notis transmisi telah berjaya dibuat dan diterima oleh penghantarnya. Bagaimanapun, apa-apa notis yang disampaikan atau dihantar (a) pada hari yang bukan Hari Perniagaan; atau (b) selepas pukul 2.30 petang pada Hari Perniagaan akan dianggap sebagai telah disampaikan atau dihantar pada pukul 9.00 pagi pada Hari Perniagaan berikutnya.
- 3.3 Sebagai balasan kerana Bank bersetuju untuk menerima arahan dari semasa ke semasa daripada Pelanggan melalui transmisi faksimile, Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap apa-apa dan semua kerugian, tuntutan, prosiding, ganti rugi, kos dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) walau bagaimana sekalipun ia dialami atau ditanggung oleh Bank berikutan daripada atau berhubung dengan apa-apa komunikasi secara faksimile daripada, atau dikatakan daripada Pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak berkewajipan untuk mengesahkan kesahihan transmisi faksimile tersebut.
- 3.4 Apa-apa komunikasi secara lisan, sama ada melalui telefon atau cara lain, mestilah disahkan oleh Pelanggan secara bertulis dan dalam bentuk yang dipersetujui oleh Bank, serta-merta selepas arahan tersebut diberikan. Tanpa mengambil kira sebelum ini, Bank diberi kuasa untuk bertindak atas arahan sedemikian sebelum menerima pengesahan bertulis, dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan tersebut sekiranya pengesahan tidak diterima oleh Bank.
- 3.5 Pelanggan bersetuju bahawa arahannya adalah atas risikonya sendiri dan Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya memutuskan (yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan konklusif) untuk menganggap arahan tersebut dan tandatangan atau tanda (jika ada) sebagai benar dan betul dan datangnya daripada Pelanggan tanpa pengesahan selanjutnya dan Pelanggan tidak boleh menuntut apa-apa daripada Bank untuk pelaksanaan budi bicaranya untuk bertindak atas arahan tersebut. Tanpa prejudis kepada apa yang disebut di atas, Pelanggan mengakui bahawa Bank tertakluk pada kewajipan sebagai sebuah institusi pelaporan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Prosid daripada Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang 2001 dan hendaklah, dengan segera atas permintaan Bank memberi pengesahan selanjutnya arahan tersebut dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan apa juga pun kerana enggan untuk bertindak atas arahan tersebut sementara menunggu penerimaan oleh Bank terhadap pengesahan arahan tersebut dengan cara dan bentuk yang memuaskan Bank.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 3.6 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kerana bertindak dengan jujur atas arahan walaupun kemudiannya ditunjukkan bahawa arahan tersebut tidak diberikan oleh Pelanggan atau bagi apa-apa salah faham atau bagi apa-apa kesilapan, kerugian atau kelewatan akibat daripada penggunaan perkhidmatan pos, alat transmisi faksimile atau apa-apa bentuk komunikasi elektronik yang lain.
- 3.7 Tanpa prejudis terhadap keluasan peruntukan sebelum ini, pelaksanaan apa-apa perintah atau arahan yang diberikan, atau yang dikata diberikan, oleh Pelanggan atas budi bicara mutlak Bank dan Bank berhak untuk tidak melaksanakan apa-apa perintah atau arahan yang ia anggap sesuai tanpa apa-apa liabiliti kepada Pelanggan apa jua sekalipun tanpa notis terlebih dahulu dan tanpa memberi apa-apa alasan kepada Pelanggan mengenainya.
- 3.8 Bank mungkin merakamkan secara elektronik apa-apa perbualan antara Pelanggan dengan Bank dan boleh, atas budi bicara mutlaknya, menyimpan salinan rakaman atau transkrip tersebut walaupun ia tidak berkewajipan untuk berbuat demikian atau memadam atau memusnahkannya dari semasa ke semasa. Dengan memeterai apa-apa pelaburan R-NID dengan Bank, Pelanggan dengan ini tanpa syarat dan tanpa boleh batal bersetuju dengan rakaman tersebut dan penghasilan rakaman atau transkripnya sebagai bukti dalam apa-apa prosiding termasuk tetapi tidak terhad kepada prosiding undang-undang.
- 3.9 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan, kos atau apa juga bentuk perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan berikutan daripada apa-apa kelewatan dalam penghantaran, atau kegagalan untuk menerima notis, arahan atau perintah daripada Pelanggan atau berikutan daripada kerosakan atau kegagalan apa-apa sistem komunikasi, bekalan elektrik atau atas apa-apa sebab lain yang di luar kawalan Bank.
- 3.10 Apa-apa bayaran atau penyampaian pelaburan R-NID yang dibuat oleh Bank menurut apa-apa arahan yang dikatakan daripada atau ditandatangani atau ditandakan oleh Pelanggan hendaklah merupakan pengeluaran sepenuhnya dan akan mengelakkan Bank daripada apa-apa liabiliti kepada Pelanggan atau kepada mana-mana pihak lain untuk bertindak atas arahan sedemikian.
- 3.11 Setiap perubahan dalam arahan mestilah disahkan secara bertulis dan mempunyai tandatangan penuh Pelanggan yang sama dengan contoh tandatangan dalam rekod Bank. Bank boleh atas budi bicara mutlaknya menolak untuk membuat pembayaran atau melaksanakan arahan tersebut apabila pindaan tersebut disahkan dengan parap sahaja atau tandatangan yang tidak lengkap atau tidak sama dengan contoh tandatangan Pelanggan dalam rekod Bank atau Mandat yang diberikan kepada Bank. Walau apapun yang tersebut di atas, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana menggunakan budi bicaranya dalam membuat pembayaran atas arahan bagi pindaan yang disahkan dengan parap sahaja, sama ada pindaan dan/atau parap tersebut telah ditiru, kecuali apabila Bank telah bertindak dengan kecauaian melampau.

4. Perwakilan dan Jaminan

- 4.1 Pelanggan dengan ini mewakili, menjamin dan mengaku janji kepada Bank seperti yang berikut:
- 4.1.1 Pelanggan berupaya untuk menilai dan memahami (bagi pihak dirinya sendiri atau melalui khidmat nasihat profesional bebas), dan memahami dan menerima, terma, syarat dan risiko setiap pelaburan R-NID yang dibuatnya dengan Bank. Pelanggan juga bersedia mengambil, telah mengambil risiko kewangan dan risiko lain mengenai pelaburan R-NID tersebut;

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 4.1.2 Pelanggan telah membuat siasatan bebasnya sendiri ke atas setiap pelaburan R-NID yang dibuatnya dan semua perkara lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, Borang Permohonan Pelaburan R-NID dan Risalah Keterangan Produk yang berkenaan. Pelanggan telah membuat keputusannya sendiri sama ada pelaburan R-NID itu adalah wajar atau bersesuaian untuknya berdasarkan penilaiannya sendiri dan atas nasihat daripada penasihat-penasihat yang beliau anggap perlu. Tanpa perjanjian bertulis di antara pihak-pihak yang secara nyata menguatkuasakan tanggungjawab afirmatif yang berlainan daripada pelaburan R-NID itu, Pelanggan tidak bergantung kepada apa-apa cadangan atau nasihat daripada Bank untuk membuat apa-apa keputusan pelaburan dan tidak bergantung kepada apa-apa komunikasi (bertulis atau lisan) Bank sebagai nasihat pelaburan atau sebagai cadangan untuk membuat pelaburan R-NID tersebut, adalah difahami bahawa maklumat dan keterangan berkaitan dengan terma dan syarat suatu pelaburan tidak akan dianggap sebagai nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat pelaburan R-NID. Pelanggan tidak menerima daripada Bank apa-apa jaminan berkenaan dengan hasil yang dijangkakan daripada setiap pelaburan R-NID;
- 4.1.3 Bank tidak bertindak sebagai fidusiari bagi atau sebagai penasihat kepada Pelanggan berkenaan pelaburan R-NID yang mana tiada terdapat perjanjian bertulis antara pihak-pihak yang secara nyata menguatkuasakan tanggungjawab afirmatif yang berlainan daripada pelaburan R-NID tersebut;
- 4.1.4 Pelanggan mempunyai keupayaan, kuasa dan authoriti yang diperlukan untuk memeterai perjanjian di bawah Terma dan Syarat ini, dan setiap Borang Permohonan Pelaburan R-NID dan untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah ini dan Pelanggan tidak (dan tidak akan melalui apa-apa urusan niaga di bawah ini atau di bawah apa-apa pelaburan R-NID menjadi) mufliis atau tak solven dan tiada langkah yang sedang atau telah diambil untuk melantik seorang pemegang amanah dalam kebangkrutan atau penerima atau penerima dan pengurus atau konservator atau penyelesaian atas aset Pelanggan;
- 4.1.5 Pelanggan adalah pemilik dari segi undang-undang dan pemunya benefisial bagi setiap pelaburan R-NID yang beliau buat, bebas daripada kepentingan sekuriti, faedah, bebanan dan tuntutan apa juga pun (melainkan mereka yang memihak kepada Bank atau mereka yang diluluskan oleh Bank);
- 4.1.6 Pelanggan bertindak sebagai utama dan bukan sebagai ejen bagi mana-mana orang apabila beliau membuat pelaburan R-NID;
- 4.1.7 Peletakan setiap pelaburan dalam R-NID oleh Pelanggan dengan Bank adalah sah di sisi undang-undang bidang kuasa yang mengikat atau boleh diterima pakai terhadap Pelanggan, dan Pelanggan akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa pelaburan sedemikian, Pelanggan melaksanakan haknya, dan Pelanggan melaksanakan kewajipannya berkenaan dengan setiap pelaburan R-NID tidak akan menyalahi apa-apa undang-undang, peraturan atau polisi pengawalseliaan yang mengikat atau diterima pakai ke atas Pelanggan; dan
- 4.1.8 Pelanggan hendaklah mematuhi pada setiap masa semua undang-undang, peraturan, dan polisi pengawalseliaan apa-apa bidang kuasa yang mengikat dengan Pelanggan atau yang diterima pakai terhadap Pelanggan berkaitan dengan setiap akaunnya atau berikutan daripada pelaburan dalam R-NID atau membuat pelaburan lain dengan Bank.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 4.2 Pelanggan selanjutnya bersetuju dan mengaku janji bahawa semua perwakilan, jaminan dan akujanji yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 di atas adalah dan akan diulangi pada setiap hari selagi pelaburan R-NID diletakkan dengan Bank, mana-mana akaun Pelanggan tidak ditutup, apa-apa hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini, Borang Permohonan Pelaburan R-NID terus dilaksanakan, atau apa-apa kewajipan dan liabiliti Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini, Borang Permohonan Pelaburan R-NID terus dilepaskan sehingga Bank berpuas hati.
- 4.3 Dengan ini Bank mewakilkan dan memberi jaminan kepada Pelanggan bahawa Bank adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan dengan sewajarnya di bawah undang-undang Malaysia sebagai sebuah entiti sah dan mempunyai kuasa dan bidang kuasa penuh untuk memiliki asetnya sendiri dan menjalankan perniagaannya seperti yang dijalankannya sekarang.
- 4.4 Bank dan Pelanggan (setiap satu adalah "**Pihak yang Mewakili**") masing-masing mewakili dan memberi jaminan kepada pihak yang satu lagi seperti yang berikut:
- 4.4.1 Kuasa dan Pihak Berkuasa. Pihak yang Mewakili mempunyai kuasa, authoriti dan keupayaan untuk memeterai, menyampai dan melaksanakan Terma dan Syarat ini, dan setiap Borang Permohonan Pelaburan R-NID dan telah mengambil semua langkah korporat dan langkah lain yang diperlukan untuk membenarkan pemeteraian, penyampaian dan pelaksanaan di bawah ini;
- 4.4.2 Tidak Menyalahi Undang-Undang. Pemeteraian, penyampaian dan pelaksanaan Terma dan Syarat ini, setiap Borang Permohonan Pelaburan R-NID yang berkaitan oleh Pihak yang Mewakili tidak akan menyalahi peruntukan:
- a) Apa-apa undang-undang atau peraturan atau apa-apa arahan atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah atau apa-apa dokumen berperlembagaan yang ia tertakluk; atau
- b) Sekiranya Pihak yang Mewakili adalah satu badan korporat, Memorandum dan Tataurusan Persatuan atau Perlembagaan, mengikut keadaan;
- 4.4.3 Tiada Percanggahan terhadap Tanggungjawab Lain. Pemeteraian, penyampaian dan pelaksanaan Terma dan Syarat ini, setiap Borang Permohonan Pelaburan R-NID yang berkaitan oleh Pihak yang Mewakili tidak dan tidak akan melanggar peruntukan apa-apa kontrak, perjanjian atau akujanji atau instrumen lain yang adalah satu pihak atau yang mengikat ke atasnya atau mana-mana asetnya.

5. Penamatan

- 5.1 Walau apapun peruntukan di dalam ini, Bank boleh tanpa notis dan tanpa memberi apa-apa sebab dan tanpa menanggung apa juga liabiliti, membekukan, mengehadakan, membatalkan atau menggantung apa-apa perkhidmatan kepada Pelanggan secara keseluruhan atau sebahagian atas apa juga sebab selagi Bank menganggapnya sesuai atas budi bicara mutlaknyanya. Tanpa menjejaskan budi bicaranyanya, Bank boleh berbuat demikian apabila:
- 5.1.1 Apa-apa mesyuarat diadakan atau resolusi yang diluluskan oleh mana-mana orang bagi penggulangan, kebangkrapan, tanggungan atau tindakan lain oleh Pelanggan atau bagi pelantikan seorang penyelesaian (termasuk penyelesaian sementara), penama, penerima, penerima dan pengurus, konservator, pemegang amanah, pentadbir, ejen atau pegawai Pelanggan yang serupa;

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 5.1.2 Apa-apa saman pemula, petisyen, permohonan, permintaan berkanun, perintah atau bagi penggulungan, kebangkrapan, pengurusan kehakiman, penanggung atau tindakan serupa lain diambil atau dibuat terhadap Pelanggan atau bagi pelantikan seorang penyelesaian (termasuk penyelesaian sementara), penama, penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman, pemegang amanah, pentadbir, pentadbir skim, ejen atau pegawai Pelanggan yang serupa;
- 5.1.3 Pelanggan memeterai atau bercadang atau membuat apa-apa pengaturan atau komposisi dengan, atau apa-apa penyerahhakan bagi kepentingan pemiutangnya (sama ada secara sukarela atau sebaliknya);
- 5.1.4 Prosiding guaman, saman, prosiding pentadbiran atau pengantaraan atau prosiding timbang tara atau tindakan dalam apa juga bentuk (sama ada jenayah, sivil atau lain-lain) akan dimulakan atau diambil terhadap Pelanggan;
- 5.1.5 Pelanggan, sekiranya sebuah syarikat, atau mana-mana subsidiarinya, dianggap tidak mampu untuk membayar hutangnya bagi memenuhi maksud Seksyen 466(1) Akta Syarikat 2016 atau tidak boleh membayar hutangnya apabila hutang tersebut perlu dibayar atau menggantung atau mengugut untuk menggantung pembayaran sama ada dalam pokok atau faedah berkenaan dengan mana-mana atau kesemua hutangnya;
- 5.1.6 Writ distress atau pelaksanaan atau writ penyitaan dan jualan atau penahanan atau apa juga bentuk pelaksanaan atau apa juga tindakan atau tindakan lain seumpamanya dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas atau dikeluarkan terhadap mana-mana bahagian daripada harta atau aset Pelanggan;
- 5.1.7 Satu perintah penyitaan, perintah tanggungan, penahanan, apa juga bentuk pelaksanaan, perintah mahkamah, perintah sekatan, perintah pengeluaran, waran geledah atau apa juga tindakan dikenakan atau dikuatkuasakan kepada atau dikeluarkan atau diugut untuk dikenakan/dikuatkuasakan kepada atau dikeluarkan terhadap Pelanggan dan/atau apa-apa harta benda atau aset Pelanggan di bawah apa juga statut atau undang-undang dari semasa ke semasa di Malaysia atau di mana-mana jua pun;
- 5.1.8 Bank diberi perintah garnisi dan/atau injunksi mareva dan/atau injunksi dan/atau perintah yang serupa dari semasa ke semasa sama ada di Malaysia atau di mana jua pun yang dikeluarkan terhadap Pelanggan;
- 5.1.9 Kematian, hilang akal, ketidakupayaan dari segi undang-undang atau kehilangan upaya di pihak Pelanggan;
- 5.1.10 Bank menerima arahan bertulis daripada mana-mana pemegang akaun atau penandatanganan yang dibenarkan untuk menggantung operasi tanpa mengambil kira apa-apa arahan sebaliknya yang diberikan oleh penandatanganan yang dibenarkan di bawah Mandat tersebut;
- 5.1.11 Bank menerima arahan yang bercanggah daripada penandatanganan yang dibenarkan bagi apa-apa pelaburan R-NID, pemegang akaun bersama atau mana-mana Pengarah, rakan kongsi, ahli jawatankuasa atau pegawai lain yang dibenarkan oleh pemegang akaun, sama ada Pengarah, rakan kongsi, ahli jawatankuasa atau pegawai lain yang dibenarkan itu adalah penandatanganan di bawah Mandat tersebut;
- 5.1.12 Terdapat gangguan bekalan, apa-apa *force majeure*, malapetaka, bencana alam atau keadaan, tindakan perindustrian, peperangan, mogok umum, kerosakan atau sabotaj komputer, rekod pelanggan Bank, akaun atau perkhidmatan yang tidak boleh didapati atau akses kepada rekod, akaun atau perkhidmatan yang terhalang atas apa juga sebab;

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 5.1.13 Apabila Pelanggan gagal untuk mematuhi atau melaksanakan apa-apa kewajipannya di bawah ini;
- 5.1.14 Apabila apa-apa pengambil bebanan mengambil milikan, atau seorang pemegang amanah atau pentadbir atau penerima atau pegawai yang serupa dilantik berkenaan dengan semua atau mana-mana bahagian perniagaan tersebut atau aset Pelanggan atau mana-mana subsidiari mereka atau distres atau apa juga bentuk pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan atas atau disaman terhadap mana-mana aset, dan tidak dilepaskan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dikenakan levi, dikuatkuasakan atau disaman, atau apa-apa Faedah Sekuriti yang mungkin pada masa ini menjejaskan mana-mana asetnya daripada dikuatkuasakan;
- 5.1.15 Apabila Pelanggan atau mana-mana subsidiarinya gagal untuk memenuhi apa-apa keputusan yang dibuat terhadap mereka oleh mana-mana mahkamah atau bidang kuasa yang berwibawa dan tiada rayuan terhadap keputusan tersebut dibuat kepada mana-mana Mahkamah rayuan yang sepatutnya dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang atau rayuan tersebut telah ditolak dan bagi apa-apa kes yang keputusannya diperoleh tanpa kehadiran tiada permohonan telah dibuat untuk mengetepikan penghakiman tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh pihak yang menerima penghakiman mengetahui mengenai penghakiman berkenaan;
- 5.1.16 Apa-apa undang-undang yang dikuatkuasakan yang bermaksud sebagai tidak berkesan atau tidak sah bagi apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, setiap Borang Permohonan Pelaburan R-NID yang akan mengelakkan Pelanggan atau Bank daripada melaksanakan kewajipan masing-masing di bawah ini; dan
- 5.1.17 Apa-apa yang setanding dengan apa-apa peristiwa yang dinyatakan dalam Fasal 5.1.1 hingga 5.1.8, 5.1.14 dan 5.1.15 yang berlaku di bawah undang-undang yang diterima pakai dalam apa-apa bidang kuasa.
- 5.2 Bank tidak berkewajipan untuk memberi notis terlebih dahulu (Bank juga tidak bertanggungjawab atas apa jua pun [termasuk kerugian secara langsung atau tidak langsung bagaimana sekalipun ia berlaku yang dihadapi, ditanggung atau dialami oleh Pelanggan atau pihak lain] berhubung dengan) pembekuan, pengehadan, pembatalan atau penggantungan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain.

6. Tanggung rugi

- 6.1 Tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi lain yang Bank mungkin ada terhadap Pelanggan di bawah ini dan sebaliknya, Pelanggan akan apabila diminta menanggung rugi Bank sepenuhnya dan sentiasa menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada dan terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi, tuntutan, caj dan apa juga perbelanjaan, termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi sepenuhnya dan semua barang dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti dan cukai lain yang perlu dibayar atas kos, caj dan perbelanjaan, yang Bank mungkin alami, hadapi atau tanggung:
- 6.1.1 Berikutan daripada atau berkenaan dengan menyediakannya untuk Pelanggan apa-apa pelaburan R-NID dari semasa ke semasa atas permintaan Pelanggan dan sebaliknya;
- 6.1.2 Dalam melaksanakan fungsinya selaku jurubank untuk Pelanggan termasuk tanpa had sebagai bank pungutan apa-apa cek atau instrumen lain yang diberi untuk pungutan, dan/atau untuk menjamin apa-apa pengendorsan atau pengeluaran apa-apa cek atau instrumen lain yang diberi untuk pungutan. Setiap jaminan yang diberi oleh Bank, sama ada diberi secara lisan atau tersirat, berkaitan dengan pungutan berkenaan hendaklah dianggap sebagai diberi atas permintaan Pelanggan;

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 6.1.3 Berkaitan dengan penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau berkenaan dengan apa-apa pelaburan R-NID dan pemungutan apa-apa amaun yang terhutang kepada Bank atau yang ditanggung oleh Bank dalam apa-apa prosiding guaman bagi melindungi atau berkaitan dengan apa-apa pelaburan R-NID;
 - 6.1.4 Berkaitan dengan peruntukan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan kepada Pelanggan sama ada di bawah Terma dan Syarat ini, apa-apa pelaburan R-NID atau sebaliknya; dan
 - 6.1.5 Berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap Pelanggan, apa-apa pelaburan R-NID atau akaunnya dengan Bank.
- 6.2 Bank boleh mendebitkan daripada mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank atas budi bicara Bank apa-apa amaun yang Pelanggan mungkin diperlukan untuk menanggung rugi Bank di bawah Terma dan Syarat ini tanpa memberi apa-apa notis terlebih dahulu, tanpa mengambil kira bahawa pendebitan sedemikian mungkin mengakibatkan akaun tersebut terlebih dikeluarkan. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, tanggung rugi yang diberi dalam ini tidak boleh dalam apa juga cara diprejudis atau terjejas disebabkan kematian, kebangkrapan, hilang akal, ketidakupayaan dari segi undang-undang, penggulangan atau pengorganisasian semula Pelanggan.

7. Pengecualian Liabiliti

- 7.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi ketaksediaan dana disebabkan oleh sekatan atas kebolehtukaran atau kebolehpindahan, moratoria, ekspropriasi, tuntutan, pindahan bukan sukarela, apa juga rampasan, tindakan peperangan, mogok, persengketaan sivil, rusuhan, penggunaan kuasa kerajaan, tentera atau rebutan kuasa atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Bank.
- 7.2 Tanpa prejudis kepada keluasan makna peruntukan lain di dalam ini, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa juga cara bagi apa-apa kerugian, liabiliti, ganti rugi, tuntutan, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada apa juga sebab, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kerugian, liabiliti, ganti rugi, tuntutan, kos atau perbelanjaan akibat daripada atau berkaitan dengan apa-apa di bawah ini, melainkan disebabkan oleh kemungkiran sengaja atau penipuan oleh Bank:
 - 7.2.1 Pelaburan Pelanggan dalam R-NID dengan Bank;
 - 7.2.2 Operasi mana-mana akaun Pelanggan oleh Pelanggan atau Bank dengan niat jujur bagi pihak Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 7.2.3 Apa-apa perubahan arahan dan/atau pemalsuan tandatangan Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan permintaan atau arahan untuk menamatkan pelaburan R-NID);
 - 7.2.4 Apa-apa penyusutan dalam nilai pelaburan R-NID disebabkan oleh cukai;
 - 7.2.5 Apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam pengiraan atau penentuan berkaitan dengan pelaburan R-NID tersebut;
 - 7.2.6 Apa-apa gangguan virus kepada komputer atau sistem, sabotaj atau apa juga sebab sekalipun yang mungkin mengganggu mana-mana perkhidmatan Bank dan/atau pengendalian akaun Pelanggan, atau apa-apa kerosakan atau salah fungsi atas apa juga sebab, perisian atau peralatan komputer sama ada dipunyai oleh Bank atau tidak, yang digunakan berkaitan dengan perkhidmatan Bank dan/atau operasi apa-apa akaun Pelanggan; dan

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

7.2.7 Apa-apa kerugian, kerosakan pada atau kesilapan dalam rekod Bank, bagaimana sekalipun ia berlaku.

7.3 Tanpa prejudis kepada keluasan makna peruntukan sebelum ini, Bank tidak dalam apa juga cara bertanggungjawab kepada Pelanggan bagi apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung atau kerugian berbangkit atau punitif atau ganti rugi khas (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan keuntungan atau kehilangan reputasi).

8. Lien, Tolak Selesai dan Hak Penggabungan Akaun-akaun

8.1 Bank mungkin mengikut budi bicara mutlaknyanya, sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis terhadap apa-apa lien, hak untuk menolak selesai atau hak lain yang ia mungkin layak, pada bila-bila masa, dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pelanggan menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank sama ada dipegang bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain, atau untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa baki kredit dalam akaun berkenaan, termasuk apa-apa atau semua wang dalam akaun Pelanggan (termasuk apa-apa keuntungan yang diperolehi atas R-NID), dengan Bank (sama ada telah matang atau tidak) dengan syarat bahawa tiada satu apapun dalam Fasal 8.1 ini yang memberi kebenaran kepada Bank untuk menamatkan apa-apa pelaburan R-NID sebelum Tarikh Matang bagi kepuasan semua liabiliti Pelanggan apa jua pun (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pembayaran lebih kepada Pelanggan berikutan daripada apa-apa kesilapan atau ketakseragaman atau ketinggalan, sama ada di pihak Bank mahupun semasa pelaksanaan arahan yang memberi kebenaran bagi pembayaran sedemikian) kepada Bank atas apa-apa akaun lain sama ada dipegang bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain (sama ada liabiliti tersebut ditanggung bersama-sama dengan orang yang satu lagi itu) atau dalam apa juga keadaan, sama ada liabiliti tersebut pada masa ini atau pada masa hadapan, sebenar atau luar jangka, utama atau cagaran, bersesama atau berasingan, sama ada sebagai utama atau penjamin. Untuk memudahkan penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pindahan tersebut, Bank layak untuk menyejajarkan dan memamatkan pembayaran balik amaun yang diletakkan dengan Bank sekiranya pembayarannya sebelum kematangan dibuat atas permintaan Pelanggan.

8.2 Apabila Bank diberi perintah garnisi dan/atau injunksi Mareva dan/atau injunksi dan/atau perintah lain dari semasa ke semasa yang dikeluarkan terhadap Pelanggan, Bank berhak untuk menyejajarkan dan memamatkan pembayaran balik apa-apa amaun dalam akaun Pelanggan sekiranya pembayarannya sebelum kematangan dibuat atas permintaan Pelanggan.

8.3 Bank tidak dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada Bank melaksanakan haknya di bawah Fasal 8 ini.

9. Penepian dan Jaminan

9.1 Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya dari semasa ke semasa mengetepikan tanpa syarat atau mengikut terma dan syarat yang ia anggap sesuai apa-apa kemungkiran oleh Pelanggan terhadap peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini atau terma lain bagi R-NID atau memberi masa atau pertimbangan selama mana Bank anggap sesuai dengan syarat:

9.1.1 Kemungkiran atau kesabaran Bank untuk memerlukan dan/atau menguatkuasakan pelaksanaan dan pemantauan peruntukan dalam Terma dan Syarat ini atau peruntukan R-NID atau apa-apa penepian masa atau jaminan yang mungkin diberi kepada Pelanggan tidak akan memprejudis atau menjejaskan hak, kuasa atau remedi Bank pada bila-bila masa selepas ini untuk bertindak dengan tegas menurut peruntukan di dalam ini dan R-NID ini; dan

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 9.1.2 Penepian tersebut tidak akan memprejudis hak Bank berkenaan dengan apa-apa kemungkiran yang sedia ada atau berikutan daripada mana-mana atau peruntukan lain yang menjejaskan R-NID.

10. Akaun Bersama (untuk Individu sahaja)

- 10.1 Apabila suatu pelaburan dalam R-NID dibuat secara bersama oleh dua orang individu, (setiap seorang adalah "**Pelanggan Bersama**"), peruntukan berikut diterima pakai berkenaan dengan pelaburan:
- 10.1.1 Setiap Pelanggan Bersama secara bersama dan berasingan bersetuju dengan terma R-NID dan secara bersama dan berasingan dipertanggungjawabkan bagi semua kewajipan dan liabiliti yang dialami atau berkenaan dengan pelaburan R-NID bersama-sama dengan semua faedah, cukai ditambah nilai, komisen serta caj dan perbelanjaan lain (termasuk tetapi tanpa had, kos undang-undang atas dasar tanggung rugi penuh);
- 10.1.2 Selepas kematian salah seorang daripada Pelanggan Bersama, Bank hendaklah memegang apa-apa pelaburan R-NID menurut perintah Pelanggan Bersama yang masih hidup tanpa mengambil kira notis yang sebaliknya tetapi tertakluk pada undang-undang yang diterima pakai, tanpa prejudis kepada apa-apa hak yang Bank mungkin ada berkaitan dengan baki sedemikian akibat daripada apa-apa lien, caj, cagaran, tolak selesai atau apa-apa tuntutan lain atau tuntutan balas sebenar atau kontingen atau sebaliknya atau tindakan lain yang Bank mungkin ingin mulakan disebabkan oleh tuntutan daripada mana-mana pihak. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa permintaan, tuntutan, saman dan apa juga tindakan oleh pewaris, pelaksana, pentadbir dan wakil undang-undang kepada Pelanggan Bersama yang mati. Tanpa mengambil kira dengan keluasan makna sebelum ini Bank berhak selepas kematian salah seorang daripada Pelanggan Bersama menggantung atau menutup mana-mana akaun tanpa memberi notis. Bagaimanapun, Bank mungkin hanya melepaskan apa-apa pelaburan R-NID kepada Pelanggan Bersama yang ada atau yang masih hidup tertakluk pada apa-apa undang-undang yang diterima pakai, dan hanya jika Bank ditanggung rugi oleh Pelanggan Bersama yang ada atau yang masih hidup terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank kerana berbuat demikian;
- 10.1.3 Bagi semua perkara yang berkaitan dengan, berikutan daripada atau berkenaan dengan pelaburan R-NID tersebut (termasuk jualan R-NID kepada Bank sebelum matang), Bank berhak untuk bertindak atas Mandat yang ditetapkan;
- 10.1.4 Jika, sebelum bertindak atas arahan yang diterima menurut Mandat tersebut, Bank menerima arahan yang bertentangan daripada Pelanggan Bersama yang lain atau jika Bank menerima arahan yang tidak jelas, Bank berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menolak untuk bertindak atau dengan serta-merta selepas itu bertindak hanya atas arahan seperti yang dinyatakan dalam Mandat tersebut;
- 10.1.5 Apabila seorang Pelanggan Bersama menjadi bankrap, tak solven, menerima perintah mufliis (atau apa-apa prosiding lain yang mempunyai kesan yang sama dalam mana-mana bidang kuasa yang diterima pakai) yang dibuat terhadapnya, Bank mempunyai budi bicara sama ada untuk menerima arahan Pelanggan Bersama yang lain dan jika berbuat demikian, untuk melaksanakan syarat-syarat untuk berbuat demikian;

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 10.1.6 Jika hanya seorang atau lebih daripada seorang diberi kebenaran (“tandatangan dibenarkan/tandatangan-tandatangan dibenarkan”) dalam Mandat tersebut untuk memberi arahan berkaitan dengan pelaburan R-NID, Bank akan menerima arahan daripada tandatangan dibenarkan atau tandatangan-tandatangan dibenarkan itu dan arahan sedemikian akan dianggap sebagai arahan atau persetujuan oleh Pelanggan Bersama dan mengikat ke atas Pelanggan Bersama;
- 10.1.7 Bank mungkin, tanpa menjejaskan haknya untuk bergantung kepada Fasal 10.1.3 di atas, meminta pengesahan bertulis daripada Pelanggan Bersama sebelum melaksanakan apa-apa arahan tanpa apa-apa liabiliti untuk apa-apa kelewatan atau sebaliknya yang terhasil daripadanya;
- 10.1.8 Apa-apa penyata akaun, notis atau komunikasi yang dialamatkan dan dihantar oleh Bank kepada mana-mana Pelanggan Bersama atau ke alamat e-mel atau alamat surat-menyurat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank hendaklah dianggap telah dialamatkan dan dihantar kepada Pelanggan Bersama dan apabila mana-mana Pelanggan Bersama telah menerima atau dianggap sebagai telah menerima penyata, notis atau komunikasi sedemikian, Pelanggan Bersama hendaklah dianggap telah menerimanya; dan
- 10.1.9 Bank mungkin, tanpa prejudis kepada apa-apa hak dan remedinya terhadap mana-mana Pelanggan Bersama, menyelesaikan atau mengubah liabiliti atau memberi masa atau budi bicara kepada mana-mana Pelanggan Bersama.

Berkenaan dengan apa-apa akaun bersama, “Pelanggan” yang dirujuk dalam Terma dan Syarat ini hendaklah termasuk semua pemegang akaun bersama dan, sekiranya konteksnya membenarkan, mana-mana satu daripada mereka.

- 10.2 Apabila satu cek atau draf yang perlu dibayar kepada mana-mana satu atau lebih pemegang akaun untuk apa-apa akaun bersama, Bank mungkin atas budi bicara mutlaknyanya, terima cek untuk dideposit dalam akaun bersama tanpa pengesahan oleh mana-mana pemegang akaun. Pemegang akaun termasuk penerima cek hendaklah tidak mempunyai apa-apa rekursa kepada Bank untuk amaun yang dikreditkan ke dalam akaun bersama.

11. Akaun Bukan Individu

- 11.1 Jika Organisasi adalah syarikat diperbadankan, apa-apa perubahan dalam perlembagaan melalui penggabungan, penyatuan atau seumpamanya tidak akan menjejaskan atau menentukan liabiliti di dalam ini.
- 11.2 Jika Organisasi adalah perkongsian, semua peruntukan yang terkandung di dalam ini hendaklah mengikat ke atas semua rakan kongsi secara bersama dan berasingan walau apapun perubahan dalam perlembagaan atau nama firma atau kemasukan rakan kongsi baharu atau perubahan atau penamatan apa-apa kuasa mana-mana rakan kongsi.

12. Cap Getah

- 12.1 Peneraan cap getah Organisasi mestilah diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh pihak yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

13. Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP)

Dengan ini, wakil-wakil Organisasi bagi pihak LLP:-

- 13.1 Mengesahkan bahawa penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian Akaun LLP bukanlah orang yang bankrap dan tiada seorang daripada mereka dilarang daripada mengambil bahagian dalam pengurusan LLP;
- 13.2 Mengesahkan bahawa mereka hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya:-
 - 13.2.1 Terdapat apa-apa perubahan dalam rakan kongsi LLP dan/atau apa-apa perubahan dalam penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian akaun LLP dan
 - 13.2.2 Mana-mana rakan kongsi adalah atau selepas ini menjadi bankrap dan dalam keadaan sedemikian, wakil-wakil hendaklah mengemukakan kepada Bank Notis yang diserahkan dengan Pendaftar mengenai penamatan Rakan Kongsi atau kemasukan Rakan Kongsi baharu atau Resolusi baharu yang diperakui yang memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan dalam penandatanganan dibenarkan bagi Akaun LLP, mengikut keadaannya;
- 13.3 Mengesahkan bahawa sekiranya rakan kongsi LLP, yang juga penandatanganan dibenarkan bagi Akaun LLP adalah/menjadi seorang yang bankrap, Bank diberi kuasa untuk tidak menerima cek-cek yang ditandatangani oleh rakan kongsi yang bankrap itu dan selanjutnya Bank berhak untuk mengembalikan cek-cek tersebut dengan menulis perkataan "Pengesahan Penyuruh Bayar Diperlukan"; dan bahawa LLP tersebut hendaklah memberi kepada Bank Resolusi baharu yang disahkan; dan
- 13.4 Menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh sesiapa juga pun atau ganti rugi yang dialami oleh Bank disebabkan Bank bergantung pada representasi dalam Fasal 13.1 di atas, meletakkan kebergantungan penuh atas semua maklumat, representasi dan dokumen yang diberikan kepada Bank, termasuk Resolusi yang dikemukakan oleh LLP bagi pembukaan dan pengendalian LLP, Bank menerima cek yang dikeluarkan daripada akaun LLP yang ditandatangani oleh penandatanganan dibenarkan LLP menurut Resolusi terkini dalam rekod Bank dan/atau sekiranya cek yang dikeluarkan daripada LLP tidak diterima dan dipulangkan menurut Fasal 13.3 di atas.

14. Peristiwa Luar biasa

- 14.1 Apabila berlakunya apa-apa Peristiwa Luar biasa, Bank hendaklah atas budi bicara mutlaknya menentukan apa-apa pelarasan atau tindakan (termasuk jualan R-NID kepada Bank sebelum matang) yang perlu berkaitan dengan pelaburan R-NID yang dijejaskan oleh Peristiwa Luar biasa. Pelarasan atau tindakan sedemikian mungkin termasuk (tanpa had) menukar atau mengubah apa-apa keuntungan yang mesti dibayar berkaitan dengan pelaburan R-NID, produk pelaburan yang mendasari, tempoh pelaburan atau spesifikasi lain untuk satu atau lebih pelaburan R-NID, atau penggantungan perkhidmatan yang diberikan di bawah Terma dan Syarat ini atau penutupan akaun Pelanggan atau sebaliknya. Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan mengenai apa-apa tindakan yang ia ambil, dan tertakluk pada tindakan yang diambil adalah dengan jujur, apa-apa pelarasan atau tindakan sedemikian hendaklah mengikat ke atas Pelanggan dan Pelanggan akan dipertanggungjawabkan ke atas semua kerugian, ganti rugi, kos, caj dan/atau perbelanjaan yang dialami oleh Bank atas akaun Pelanggan atau yang Pelanggan kemudiannya bertanggungjawab disebabkan oleh pelarasan atau tindakan sedemikian.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

15. Perubahan

15.1 Bank berhak untuk menambah kepada mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat ini yang berkaitan dengan pelaburan R-NID pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya, dan akan memaklumkan Pelanggan mengenai perubahan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pelaksanaan perubahan tersebut, dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan perubahan berkenaan. Pelanggan dianggap telah bersetuju tanpa syarat kepada apa-apa pindaan, perubahan atau penggantian kepada apa-apa terma atau syarat sekiranya Pelanggan terus melabur dalam R-NID dengan Bank selepas tarikh pemakluman berkenaan.

16. Percukaian dsbnya.

16.1 Tanpa prejudis terhadap keluasan makna peruntukan lain di dalam ini, sekiranya cukai pendapatan atau apa-apa cukai lain yang diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar oleh Bank berkaitan dengan apa-apa perkara berikutan daripada Terma dan Syarat ini atau berkenaan dengan apa-apa pelaburan R-NID dan/atau apa-apa amaun dalam mana-mana akaun yang berkaitan kepadanya, cukai sedemikian hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan, dan Bank boleh, atas pilihannya, mendebit daripada mana-mana akaun Pelanggan, atau menolak selesai terhadap wang yang perlu dibayar kepada Pelanggan satu jumlah yang bersamaan dengan cukai sedemikian atau membuat tuntutan berasingan kepada Pelanggan untuk pembayaran cukai berkenaan. Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap apa-apa pembayaran oleh Bank (sekiranya Bank diperlukan oleh undang-undang untuk memungut dan membuat pembayaran yang berkaitan dengan cukai tersebut) dan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan dan/atau penalti yang mungkin dialami oleh Bank disebabkan oleh kegagalan/kelewatan pembayaran oleh Pelanggan. Kewajipan Pelanggan di bawah Fasal 16 ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi penyelesaian oleh Pelanggan untuk semua atau apa-apa jumlah lain yang berkaitan dengan jualan R-NID kepada Bank sebelum matang atau kematangan apa-apa pelaburan R-NID, pengeluaran semua atau sebahagian amaun dalam mana-mana akaun dan penutupan mana-mana akaun untuk apa juga sebab.

17. Penyerahhakan/Pindahan

17.1 Bank berhak untuk memberi atau memindah semua hak, kepentingan dan manfaat Bank di bawah Terma dan Syarat ini, dan apa-apa pelaburan R-NID pada bila-bila masa tanpa mendapatkan keizinan terlebih dahulu daripada Pelanggan.

17.2 Terma dan Syarat ini adalah mengikat dan pasti memanfaatkan Bank dan Pelanggan serta pengganti dari segi hak masing-masing, penerima pindahan yang dibenarkan dan penyerah hak yang dibenarkan dan hendaklah terus mengikat ke atas Pelanggan tanpa mengambil kira:-

17.2.1 Apa-apa perubahan dalam nama atau perlembagaan Bank; atau

17.2.2 Penggabungan atau penyatuan Bank ke dalam entiti lain, dan jika berlaku, entiti tersebut hendaklah selepas itu menggantikan Bank perkara-perkara berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, semua akaun dan semua perkhidmatan, yang disediakan pada masa itu oleh Bank kepada Pelanggan dan Terma dan Syarat ini hendaklah terus berkuat kuasa di antara Pelanggan dan entiti berkenaan.

18. Kebolehasingan

18.1 Setiap peruntukan dalam Terma dan Syarat ini adalah peruntukan berasingan dan bebas dan jika mana-mana peruntukan di dalam ini adalah atau akan menjadi tidak sah, tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan di bawah apa-apa undang-undang yang diterima pakai, kesahan, kesahihan dan kebolehlaksanaan peruntukan lain yang ada di dalam ini tidak akan dalam apa juga cara terjejas atau dirosakkan.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

19. Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Diterima pakai

- 19.1 Terma dan Syarat ini dan semua perkara yang berkaitan dengannya hendaklah dikawal oleh, dan ditafsirkan sebagai di bawah undang-undang Malaysia.
- 19.2 Pelanggan dengan ini tanpa boleh batal menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia tanpa prejudis kepada atau mengehendak apa-apa hak atau remedi lain yang sedia ada kepada Bank di bawah apa-apa undang-undang bidang kuasa lain. Apa-apa prosiding bagi pungutan semula dan/atau penguatkuasaan apa-apa wang yang dikatakan terhutang daripada Bank hendaklah diwujudkan oleh Pelanggan dalam Mahkamah Malaysia sahaja dan Pelanggan secara lisan mengetepikan apa-apa bantahan mengikut kesesuaian keadaan di Malaysia.

20. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

- 20.1 Pelanggan memahami dan memperakui bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan ("APK") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat Pelanggan berkaitan dengan urusan, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit Pelanggan) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM untuk memudahkan dan/atau membolehkan Bank dan/atau syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsinya dan/atau fungsi mereka dan Pelanggan dengan ini mengizinkan tanpa boleh batal dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana penjamin/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti seperti yang Bank mungkin atas budi bicara mutlaknya anggap perlu atau wajar bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsinya dan/atau fungsi mereka. Dengan berbuat demikian, Pelanggan bersetuju bahawa Bank hendaklah dilepaskan daripada apa juga tanggungjawab atau liabiliti.

21. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

- 21.1 Pelanggan maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi dan hal-hal berkaitan dengannya boleh didapati dalam laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi melalui mana-mana cawangan Bank.
- 21.2 Pelanggan maklum mengenai hasrat Bank untuk memaklumkan kepada Pelanggan mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting tentang produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan-bahan pemasaran Bank dan Syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank dinyatakan dalam Notis Privasi Bank.
- 21.3 Pelanggan memahami bahawa beliau layak untuk mendapatkan akses kepada dan untuk memohon pembetulan bagi maklumat peribadi yang dipegang oleh Bank dan Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank untuk menghentikan menggunakan maklumat peribadinya bagi tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 21.2 di atas dan bahawa permohonan seumpama itu boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun Pelanggan atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

22. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

22.1 Public Bank Berhad dan subsidiari-subsidiarinya di Malaysia, termasuk Public Islamic Bank Berhad, dan cawangan-cawangannya ("Kumpulan PBB") adalah institusi kewangan asing yang mematuhi FATCA Amerika Syarikat ("A.S."). FATCA memerlukan prosedur usaha wajar yang dipertingkatkan atas pelanggan/pemegang akaun dalam Kumpulan PBB bagi membolehkan pengenalpastian dan pelaporan Orang A.S. dan Pemegang Saham substansial entiti asing A.S. kepada Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia** dan akhirnya, kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS). Menurut Perjanjian Antara Kerajaan ("IGA") antara Malaysia dan A.S., Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia telah mengeluarkan garis panduan bagi membolehkan institusi-institusi kewangan asing di Malaysia mematuhi FATCA.

** Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia adalah "Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia" yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk memantau pelaksanaan peruntukan FATCA bagi undang-undang percukaian A.S. yang mengawal selia institusi kewangan dalam negeri.

22.2 Dalam keadaan tertentu, Kumpulan PBB akan meminta maklumat tertentu untuk dikemukakan oleh Pelanggan/pemegang akaunnya bagi memenuhi tanggungjawab FATCA. Kegagalan oleh Pelanggan/pemegang akaun untuk mengemukakan maklumat ini akan mengakibatkan pelaporan maklumat mengenai Pelanggan/pemegang akaun kepada Pihak Berkuasa Kompeten Malaysia. Pembayaran kepada Pelanggan/pemegang akaun Kumpulan PBB secara amnya tidak tertakluk pada pelaporan, dengan syarat bahawa pensijilan yang sesuai atau pendokumenan lain berkenaan dengan status mereka telah diberi kepada Kumpulan PBB seperti yang diarahkan. Bagi memastikan maklumat Pelanggan/pemegang akaun adalah tepat, Kumpulan PBB menghendaki Pelanggan/pemegang akaun memberi makluman sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat Pelanggan, termasuk pertukaran alamat surat-menyurat kediaman/perniagaan, nombor telefon serta kewarganegaraan dalam tiga puluh (30) hari selepas perubahan berlaku yang menyebabkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank menjadi tidak betul.

22.3 Dengan ini Pelanggan mengesahkan dan memperakui bahawa sepanjang pengetahuannya semua maklumat yang diberi oleh Pelanggan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank adalah benar dan betul.

23. Perkhidmatan PBe

23.1 Individu yang memohon bagi Perkhidmatan PBe mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.

23.2 Dengan ini Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan pada setiap masa melindungi Bank sepenuhnya daripada dan terhadap semua permintaan dan tuntutan, tindakan dan prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman seperti antara peguambela dan klien dan semua liabiliti dalam apa juga bentuk atau butiran yang mungkin dibuat atau diambil atau dialami atau ditanggung oleh Bank berkaitan dengan atau dalam apa juga cara berikutan daripada kebenaran yang diberi oleh Pelanggan. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa liabilitinya adalah liabiliti berterusan dan akan terus berkuat kuasa sehingga liabiliti Bank, jika ada, dilaksanakan sepenuhnya mengikut kehendak Bank. Pelanggan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat mengenai akses kepada Perkhidmatan PBe Bank dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat ke atas Pelanggan. Dengan ini Pelanggan mengakui bahawa tiada perubahan pada mandat terkininya bagi pengendalian akaun tersebut dengan Bank.

24. Perakuan

24.1 Pelanggan dikehendaki untuk melengkapkan dan menyempurnakan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

25. Lain-lain

25.1 Pelanggan mengakui bahawa sebelum atau semasa pembukaan akaun R-NID, Pelanggan belum pernah:-

25.1.1 Melakukan apa-apa tindakan yang menyebabkan kebangkrapan; dan/atau

25.1.2 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen untuk penggulangan atau ketaksolvenan yang dibuat atau dikemukakan terhadap Pelanggan.

Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan melanggar mana-mana perkara di atas, Bank mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk menutup akaun R-NID itu tanpa notis terlebih dahulu.

25.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan meletakkan cap getah Organisasi, Pelanggan mengesahkan bahawa beliau telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini, Notis Mandat (jika ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan dan apa-apa pindaan atau perubahan kepadanya yang Bank akan kemudiannya perkenalkan, semak semula, ubah atau ganti yang boleh didapati di laman web Bank dan/atau pada papan notis di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu melalui cara lain yang Bank anggap sesuai.

25.3 Pelanggan selanjutnya bersetuju dengan terus mengekalkan dan mengendalikan akaun R-NIDnya selepas tarikh berkuatkuasanya pindaan atau perubahan tersebut, Pelanggan dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat yang dipinda itu dan ia adalah mengikat dan konklusif terhadap Pelanggan.

25.4 Dengan ini Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pungutan terhadap semua kerugian, permintaan, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa juga liabiliti lain dan pada bila-bila masa sekalipun yang Bank mungkin tanggung atau alami daripada apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan hendaklah dianggap sebagai telah dipungut menurut permohonan lisan Pelanggan dalam setiap kes bagi kredit akaunnya.

25.5 Dengan ini Pelanggan bersetuju untuk membayar bagi apa-apa caj/perbelanjaan yang ditanggung berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain, atau untuk apa-apa caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau cukai lain seumpamanya, sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan dikenakan caj di bawah undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi kepada Pelanggan.

25.6 Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk:-

25.6.1 Tidak mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau di mana-mana laman web lain selain daripada laman web rasmi Bank dan hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan kod laluan/kata laluan itu selamat dan memastikan peranti keselamatan juga selamat pada setiap masa; dan

25.6.2 Memeriksa semua notifikasi berkenaan urusan niaga tepat pada masanya dan untuk menyemak baki akaun R-NID, penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditetapkan pada kekerapan biasa, untuk mengesan apa-apa urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat dan semunasabah mungkin sekiranya terdapat urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.

PERINGATAN

AMAUAN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

- 25.7 Pelanggan selanjutnya mengaku janji untuk melaporkan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat dan semunasabah mungkin, apabila menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan dan mengaku janji untuk melaporkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan di dalam penyata atau entri tersebut. Jika Bank tidak menerima apa-apa makluman secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan entri debit atau kredit dalam penyata tersebut, dengan itu Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima entri yang dibuat setakat tarikh akhir entri berkenaan sebagai betul, muktamad dan konklusif dan dengan ini menerima pakai semua pengeluaran atau debit lain kepada akaun tersebut.
- 25.8 Dengan ini, Pelanggan tanpa boleh batal membenarkan Bank untuk mengendalikan rekod Bank mengenai apa-apa urusan niaga yang dibuat melalui akaun R-NID termasuk tetapi tidak terhad pada urusan niaga dibuat melalui pesanan mel, pesanan telefon, internet dan terminal layan diri daripada mana-mana sumber yang dikatakan daripada Pelanggan sebagai bukti urusan niaga yang dibuat dengan sempurna oleh Pelanggan dan untuk mendebit akaun R-NID bagi pembayaran urusan niaga tersebut, tanpa mengira sama ada urusan niaga itu dibenarkan oleh Pelanggan dan selanjutnya tanpa mengira bahawa kebenaran sedemikian atau rekod untuk mendebit akaun R-NID di atas mempunyai tandatangan Pelanggan atau tidak.
- 25.9 Bank berhak atas budi bicara mutlak pada bila-bila masa:-
- 25.9.1 Untuk mengubah, meminda atau menyemak mana-mana peraturan yang disebut di dalam ini, ciri-ciri dan faedah akaun R-NID dengan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar dan tanpa memberi apa-apa sebab untuknya;
- 25.9.2 Untuk mengelakkan apa-apa pengendalian akaun R-NID, jika Bank mengesyaki bahawa akaun ini digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 25.10 Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di dalam ini, terma dan syarat yang terkandung dalam borang unruk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank, Borang Permohonan Pelaburan R-NID dan Makluman Pengesahan.
- 25.11 Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk pada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan mana-mana perubahan lain atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau seperti yang diarahkan atau diperlukan oleh badan pengawalselia dari semasa ke semasa.
- 25.12 Terma dan Syarat di atas ini mengawal selia peraturan am bagi pembukaan dan pengendalian akaun R-NID dan mungkin berubah bergantung pada jenis R-NID.

[RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

PERINGATAN

AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.